

1021

PENGGUNAAN MODUL ISTITABAH DALAM MENGENDALIKAN KESALAHAN AKIDAH DI SELANGOR

Nazneen binti Ismail, Zanariah Dimon, Nurzatil Ismah bt Azizan, Nurulfathonah Mohd Effendy, Hamidi Abd. Ghani, Zulqarnain Hassan, Nordin Mat Piah & Mohd Ramizu Abdullah @ Zakaria

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Kolej Islam Sultan Yahya Petra, Kelantan (KIAS)

ABSTRAK

Modul Istitabah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah dilancarkan pada Julai 2017 bertujuan menyediakan garis panduan dalam mengendalikan kes-kes melibatkan kesalahan akidah dan mencemar kesucian Islam di dalam Enakmen Jenayah Selangor Tahun 1995. Tujuan makalah ini adalah untuk menjelaskan penggunaan modul istitabah dalam mengendalikan kesalahan akidah di Selangor. Kajian telah dilakukan menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan temubual mendalam (in-depth interview) di samping merujuk kepada Modul Istitabah MAIS sebagai sokongan kepada dapatan temubual. Dapatan kajian menunjukkan asas amalan istitabah di Selangor ialah saringan, pemulihan dan rawatan, pengukuhan dan pemantapan serta khidmat sokongan. Kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran berkenaan penyediaan dan pelaksanaan Modul Istitabah di Selangor serta permasalahan yang dihadapi.

Kata kunci: istitabah, kesalahan akidah, kesucian Islam, pemulihan akidah, khidmat sokongan

1.0 Pendahuluan

Maksud istitabah secara literalnya ialah memohon taubat atau menganjurkan bertaubat (Wan Mohd Fazrul et al. 2015; Wan Mohd Fazrul et al. 2013; Siti Maizatul Akma et al. t.th). Apabila seseorang itu telah melakukan kesalahan atau mengingkari perintah Allah s.w.t, maka diwajibkan bertaubat diatas kesalahan tersebut dan kembali ke pangkal jalan. Taubat menyesali dan menginsafi perbuatan-perbuatan mungkar dan maksiat yang telah dilakukan. Kemudian memohon keampunan Allah s.w.t dan berjanji tidak akan mengulangi perbuatan itu kembali.

Istitabah berada dalam perbahasan mengenai masalah murtad dan sebelum perlaksanaan hukum had kepada golongan ini. Perkataan istitabah turut membawa erti lain iaitu satu prosedur rasmi yang digunakan sebelum seseorang itu akan dijatuhkan hukum had riddah (Wan Mohd Fazrul et al. 2013). Istitabah merupakan satu anjuran atau proses memberi peluang untuk bertaubat bagi mereka yang melakukan kesalahan dari segi syarak. Selain itu, pendekatan istitabah yang dijalankan adalah berbentuk rundingan dan khidmat nasihat akidah kepada pemohon untuk kembali menerima Islam sebagai agama dalam hidup (Nor Ashikin et al. 2017).

Menurut jumhur fuqaha, istitabah ialah meminta orang yang murtad supaya bertaubat kembali kepada ajaran Islam. Orang yang murtad tidak akan dibunuh kecuali selepas disuruh bertaubat. Oleh itu, timbul persoalan di sini apakah hukum istitabah (menyuruh bertaubat) terhadap orang yang murtad itu satu kewajipan atau sunat sahaja? Sebahagian besar ulama berpendapat bahawa hukum menyuruh orang yang murtad bertaubat sebelum dibunuh adalah satu kewajipan (Wahbah al-Zuhaili 1989).

Pendapat pertama, iaitu wajib istitabah adalah bersandarkan hadis Nabi Muhammad s.a.w. tentang perempuan yang murtad yang bernama Ummu Marwan. Baginda memerintahkan agar perempuan itu bertaubat, jika dia enggan maka hendaklah dibunuh. Maksudnya, perintah Baginda s.a.w. supaya dibunuh perempuan yang murtad itu adalah selepas dia disuruh bertaubat dan dia enggan berbuat demikian (al-Shawkani 1995).

Manakala pendapat kedua mengatakan tidak wajib menyuruh orang murtad bertaubat meskipun suruhan demikian digalakkkan. Ini adalah *qawl* yang kedua di sisi al-Syafie, riwayat kedua dari Ahmad dan pendapat Hasan al-Basri. Hujah mereka ialah hadis Nabi Muhammad s.a.w:

مَنْ بَدَّلَ دِينَهُ فَاقْتُلُوهُ

Maksudnya:

Sesiapa yang menukar agamanya maka hendaklah kamu bunuh.

(al-Bukhari, Sahih, Kitab Hukm al-Murtad wa Istitabatihim, Bab Istitabah al-Murtaddin wa al-Mu'anidin wa Qitalihim, no. 6411)

Hukuman bunuh yang terkandung dalam hadis tersebut adalah umum tanpa dibatasi tuntutan bertaubat. Begitu juga kisah Mu'az bin Jabal yang menuntut pelaksanaan hukuman bunuh apabila beliau diberitahu tentang seorang Yahudi yang memeluk Islam kemudian murtad dan tidak disebut selain itu. Abu Musa al-Asy'ari telah melaksanakan hukuman tersebut lagipun darah orang murtad tidak lagi terpelihara kerana itu ulama berpendapat mengatakan bahawa tidak dikenakan hukuman bunuh ke atas seseorang yang membunuh orang murtad sebelum dia diminta bertaubat kerana kemurtadannya menyebabkan darahnya menjadi halal (Ibnu Qudamah 1990). Sebahagian ulama berpendapat bahawa jika orang murtad itu muslim pada asalnya, tidak wajib menyuruhnya bertaubat. Sebaliknya jika dia memeluk Islam kemudian murtad maka hendaklah disuruh dia bertaubat kerana diandaikan dia jahil (Abu Zahrah t.th.).

Selanjutnya, para ulama juga mempunyai pelbagai pendapat dalam persoalan tempoh istitabah ini, ada yang mengatakan tiga hari, ada mengatakan dua puluh hari dan ada yang mengatakan sebulan. Menurut Ibnu Qudamah (1990) perbuatan murtad timbul kerana ada keraguan yang tidak akan hilang dalam tempoh yang singkat, maka wajib ditunggu tempoh orang murtad itu menyedarinya. Dapat disimpulkan bahawa tempoh masa untuk bertaubat itu boleh ditentukan oleh ijтиhad hakim kerana tidak ada dalil yang sahih menentukannya. Meskipun begitu, berdasarkan pandangan ulama tempoh istitabah yang paling singkat ialah 3 hari atau 3 malam dan yang paling lama adalah hingga ke akhir hayat (Wan Mohd Fazrul et al. 2015). Apabila seseorang murtad sedar setelah melalui proses istitabah dan muh bertaubat serta memeluk Islam kembali, taubatnya diterima dengan melalui beberapa perkara iaitu dia perlu mengucap dua kalimah syahadah semula dan dia perlu membuat pengakuan atau ikrar di atas apa yang dia ingkar yang menyebabkan dia menjadi kafir (murtad), dan melepaskan diri daripada segala ajaran yang menyalahi agama Islam (Abdul Qadir Awdah 1989).

Istitabah sangat penting untuk memastikan seseorang yang terlibat dengan kesalahan akidah dan murtad kembali kepada ajaran Islam yang sebenar. Ini bertepatan dengan kaedah *sadd al-dhara'i* dalam membanteras gejala *riddah* dan penyelewengan akidah. Ini kerana perbuatan tersebut termasuk dalam penghinaan terhadap agama Islam. Agama Islam adalah sebuah agama yang direndai oleh Allah s.w.t. Oleh itu, sebarang bentuk atau unsur-unsur yang

membawa kepada penghinaan terhadap agama Islam akan menerima akibat daripada Allah s.w.t.. Tambahan pula, istitabah bukan sahaja dapat mengelak kesan negatif dari segi moral pesalah bahkan dapat mengelak kesan negatif dari segi keagamaan, kekeluargaan, harta, psikologi dan lain-lain lagi (Wan Mohd Fazrul et al. 2013). Dengan perlaksanaan istitabah dapat memberi peluang kepada pesalah untuk diterima semula oleh masyarakat. Malah dapat membanteras gejala ini daripada merebak ke dalam masyarakat yang semakin maju ke hadapan.

2.0 Masalah kajian

Gejala kerosakan akidah seperti ajaran salah yang sentiasa berkembang dan menular saban hari perlu dipandang serius dalam usaha memelihara akidah umat. Kes-kes ajaran salah dan doktrin palsu seperti Tarikat Naqsyabandiyyah, Ajaran Ayah Pin, Golongan Anti Hadis, Rasul Melayu serta kes-kes murtad seperti Azlina Jailani @ Lina Joy (1997), Kamariah Ali (1999) dan Fatimah Tan (2016) menunjukkan kerosakan akidah sudah menjadi polemik yang membimbangkan dan memberi cabaran besar kepada umat Islam. Lazimnya, fokus kajian tertumpu kepada isu-isu pendakwaan dan penguatkuasaan kesalahan akidah. Ini kerana mereka yang terlibat dengan ajaran salah dan percubaan keluar agama ini boleh didakwa melalui pelbagai peruntukan enakmen jenayah syariah walaupun hukumannya terlalu ringan berbanding dengan kemudaratannya kepada orang Islam.

Umumnya, kesalahan akidah di Malaysia semakin meningkat dari semasa ke semasa, terutamanya kes murtad. Antara tahun 1994 sehingga 1997, 519 permohonan telah dihantar ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dengan tujuan untuk tukar nama atas alasan ingin keluar dari Islam (Farahwahida et al. t.th: 8). Dalam penulisan Pg Ismail et al. (2015: 53) permohonan keluar Islam telah dikemukakan di Mahkamah Syariah sebanyak 686 permohonan dalam tempoh dari tahun 2000 sehingga 2010. Hal ini membuktikan bahawa terdapat peningkatan permohonan murtad atau dengan kata lain fenomena murtad semakin berleluasa di Malaysia dari tahun ke tahun.

Antara kes murtad yang difaiklan di mahkamah ialah kes *Siti Fatimah Tan bt Abdullah lwn. Majlis Agama Islam Pulau Pinang dalam Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Pulau Pinang* (2006), *Majlis Agama Islam Selangor lwn. Alamelu a/p Krishnan dan Jabatan Agama Islam Selangor* (2015), *Kamariah Ali & Yang Lain lwn. Kerajaan Negeri Kelantan & Satu Lagi* (2002) dan *Rashidah Moideen lwn. Mahkamah Tinggi Syariah Seremban* (2007).

Kesalahan akidah bermaksud perbuatan, perkataan dan iktikad yang menjadikan keimanan seseorang itu gugur. Ia juga disebut sebagai perkara yang membatalkan iman atau penyelewangan akidah. Antara perkara yang membatalkan akidah ialah tidak beriman dengan salah satu daripada kalimah syahadah, mengingkari keTuhanan Allah s.w.t, mengingkari keEsaan-Nya, mencela Rasulullah s.w.t., mengingkari sebahagian atau semua perkhabaran baginda, reda dengan kekufuran, tidak reda dengan Islam, tidak menghukumkan kafir ke atas orang kafir, musyrik, ateis, membenarkan pegangan orang kafir, menjadikan orang kafir sebagai pemimpin, menzahirkan sokongan ke atas agama mereka serta memperolok-olokkan ajaran Islam (Muhammad Na^c im t.th). Daripada penjelasan ini, dapat disimpulkan bahawa kesalahan akidah adalah semua perkara yang bercanggah dengan enam rukum iman. Maka, melakukan kekufuran dan kesesatan setelah beriman merupakan pelaku kesalahan akidah. Ini menunjukkan murtad dalam Islam merupakan salah satu penyelewangan akidah dan memberi kesan buruk kepada penganut agama Islam yang lain.

Dalam hal ini, Majlis Agama Islam Selangor (2014) menggunakan pendekatan yang berbeza apabila mendepani kelompok ini. Bagi yang murtad dan memerangi Islam, hukumnya adalah bunuh manakala mereka yang murtad tetapi tidak memerangi Islam, mereka perlu diseru untuk bertaubat dan kembali kepada Islam. Realiti di Selangor, antara tanda berlakunya jenayah murtad ini ialah melalui permohonan tukar agama, permohonan tukar nama Melayu-Islam, peminggiran cara hidup Islam oleh saudara baru dan permohonan tukar agama bagi saudara baru.

Hikmah di sebalik hukuman ini ialah untuk menghalang fitnah dari berleluasa dalam masyarakat Islam. Sama ada jenayah ini berlaku di peringkat individu maupun kelompok, ia tetap memberi kesan dalam merosakkan sistem Islam yang berperanan mengurus hal ehwal kehidupan masyarakat umum. Bagi individu yang menyembunyikan kemurtadan, dia akan berlaku munafik apabila berada di khalayak. Bagi kelompok yang menzahirkan murtad dan mereka yang memerangi Islam, fitnahnya adalah lebih besar. Bagi mengekang perkara ini dari berleluasa, maka hukuman bunuh adalah penyelesaian terbaik (Siti Norayu dan Azizah 2014).

Kesalahan akidah atau dalam undang-undang di Malaysia disebut sebagai kesalahan jenayah syariah telah diklasifikasikan oleh setiap negeri-negeri. Peruntukan kesalahan jenayah syariah diselaraskan di bawah enakmen kesalahan jenayah syariah. Kesalahan akidah dalam perundangan Malaysia melibatkan pemujaan salah, doktrin palsu, mengembangkan doktrin agama, dakwaan palsu, menghina dan menuebabkan Islam dipandang hina, mengajar agama tanpa tauliah, pendapat yang bertentangan dengan fatwa, penerbitan yang bertentangan hukum syarak serta kesalahan memutarbelitkan ajaran dan hukum hakam agama Islam (Siti Zubaidah 2010).

Berdasarkan perundangan di Malaysia, terdapat perbezaan dari aspek prosedur penukaran agama atau permohonan murtad. Antaranya Sabah telah menetapkan dua hukuman untuk kesalahan keluar agama dalam Enakmen Kesalahan Jenayah. Pertama, Seksyen 55 Kesalahan Menghina Agama Islam dan akan dikenakan hukuman penjara atau RM 2000 atau kedua-duanya (Jadual 1). Kedua, Seksyen 63 1995 Percubaan Murtad (Jadual 1) serta telah memperuntukkan prosedur yang perlu dipatuhi bagi orang Islam yang ingin keluar agama (Nor Ashikin et. al 2016; Mohd Sopiee 2015). Melaka turut menetapkan hukuman bagi mereka yang murtad pada Seksyen 66 Percubaan Murtad.

Kedua-dua negeri meletakkan kesalahan tersebut sebagai jenayah syariah tetapi mengambil pendekatan yang berbeza iaitu pemohon ditahan di Pusat Bimbingan Islam tidak lebih daripada enam bulan untuk Melaka dan 36 bulan bagi tempoh di Sabah (Nor Ashikin et. al 2016; Mohd Sopiee 2015). Ia bertujuan untuk mendidik mereka kembali kepada Islam dan mengkehendaki mereka untuk bertaubat. Sekiranya pemohon bertaubat daripada kesalahan keluar agama maka mereka akan dibebaskan.

Seterusnya Kelantan yang turut meletakkan hukuman sama dengan Melaka dan Sabah tetapi mempunyai perbezaan dari segi Enakmen Syariah. Bagi undang-undang Negeri Kelantan kesalahan murtad tidak termasuk dalam enakmen jenayah syariah dan tetap dikenakan hukuman bagi mereka yang memohon murtad iaitu pemohon akan ditempatkan di Pusat Pemulihan Islam selama 36 bulan supaya mereka melalui proses runding cara serta dikehendaki untuk bertaubat (Nor Ashikin et. al 2016). Setelah meneliti hukuman ketiga-tiga negeri ini, ia tidak memperincikan kaedah atau prosedur yang dilaksanakan.

Dalam peruntukan undang-undang Negeri Sembilan telah memperincikan kaedah yang perlu dijalani oleh orang Islam yang berhasrat untuk keluar agama. Terdapat peruntukan undang-undang khusus bagi mereka yang memohon murtad dalam bentuk prosedur dan tatacara untuk keluar Islam. Pemohon perlu membuat permohonan keluar agama Islam di Mahkamah Tinggi Syariah serta ia ditangguhkan dan dirujuk kepada Jabatan Mufti bagi mengendalikan proses taubat. Selepas itu, pemohon perlu menghadiri sesi kaunseling dan nasihat untuk bertaubat dalam tempoh 90 hari. Kes ini akan ditamatkan sekiranya pemohon telah bertaubat dalam tempoh menjalani sesi kaunseling. Namun, jika pemohon tetap dengan pendiriannya untuk murtad maka pihak mahkamah akan memberikan tempoh satu tahun lagi untuk pemohon bertaubat (Nor Ashikin et al. 2016; Helwa & Jasri 2013; Mohd Sopiee 2015).

Selain daripada prosedur berkaitan permohonan murtad, terdapat juga kesalahan yang berkait dengan ajaran selain Ahli Sunnah wal Jamaah telah dikenakan hukuman iaitu ditahan di Pusat Bimbingan Akidah. Contohnya kes di Selangor iaitu kes *Pendakwa Syarie Selangor lwn. Abdul Kahar Ahmad* (2014), pesalah berusia 72 tahun yang didapati bersalah atas lima kesalahan berkaitan ajaran salah, telah dihukum penjara selama sepuluh tahun, denda RM16,500 dan enam kali sebatan dan perlu menjalani proses pemulihan selepas dipenjarakan itu di Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman, Ulu Yam Selangor. Beliau menjalani hukuman penjara terlebih dahulu di bawah kendalian Jabatan Penjara Malaysia dan selepas habis tempoh sepuluh tahun baru menjalani proses pemulihan sebagaimana yang diperintahkan oleh mahkamah syariah (Siti Zubaidah 2010).

Seterusnya di Kelantan, dalam kes *Mohamed bin Ya dan Lain-Lain lwn Pendakwa Syarie Kelantan*, lima orang tertuduh telah disabitkan atas kesalahan melakukan adat istiadat yang bertentangan dengan agama Islam. Mereka adalah pengikut ajaran Kumpulan Ratib Kuat Ayah Pin, sebuah kumpulan yang telah difatwakan haram di Kelantan ketika itu. Dalam rayuan mereka terhadap hukuman penjara, satu tahun, Mahkamah Rayuan telah mengubah hukuman berkenaan kepada berkelakuan baik selama tempoh tiga hingga lima tahun. Dalam tempoh berkenaan mahkamah telah mengarahkan agar mereka melaporkan diri kepada kadi jajahan tempat tinggal mereka untuk melafazkan taubat. Akan tetapi, disebabkan masalah pengurusan, ketidakselarasaran arahan dan ketidaaan garis panduan taubat, maka taubat tersebut dikatakan tidak berjaya direalisasikan (Siti Zubaidah 2010).

Penulisan Nor Ashikin et al. (2016) dan Siti Zubaidah (2010) menyatakan bahawa tindakan menahan pemohon murtad di Pusat Pemulihan Akidah atau Pusat Bimbingan Islam oleh negeri-negeri tidak dinyatakan garis panduan, prosedur atau modul pemulihan yang digunakan untuk mengesahkan bahawa pemohon adalah disahkan sudah bertaubat. Pengkaji juga berpendapat bahawa tahanan di Pusat Pemulihan Akidah seharusnya digantikan dengan beberapa siri kaunseling dengan mengambil amalan Negeri Sembilan yang digunakan dalam beberapa sesi kaunseling terhadap pemohon murtad (Nor Ashikin et al. 2016). Malah terdapat cadangan yang pernah dilontarkan untuk menggubal satu peraturan berkaitan dengan pusat pemulihan akidah harus diteliti kerana ia amat relevan untuk dilaksanakan supaya kaedah ini dapat memelihara keharmonian agama Islam dan akidah umat Islam sendiri.

Maka, berdasarkan kepada keperluan ini Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah merangka dan membangunkan satu modul khusus dalam melaksanakan proses istitabah kepada mereka yang terlibat dalam kesalahan akidah dan mencemar kesucian Islam di dalam Enakmen Jenayah Syariah Selangor Tahun 1995 (Penguasa PPA 1 November 2017; Modul Istitabah MAIS 2017).

3.0 Pengenalan Modul Istitabah MAIS

Modul Istitabah MAIS dibangunkan bagi memulihkan pesalah akidah dan mengekang gejala murtad serta salah laku akidah khususnya di Selangor. Pembangunan modul ini melibatkan para ulama dan pakar bidang dengan menggabungjalinkan pelbagai disiplin ilmu seperti akidah, fiqh, tasawuf, psikologi, kaunseling syarie dan saintifik (Modul Istitabah MAIS 2017)

Cadangan penggubalan modul istitabah telah dikemukakan dalam resolusi Sidang Meja Bulat Modul Istitabah anjuran Bahagian Pemulihan Al-Riqab MAIS melalui Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman pada 17-20 Januari 2012 di Port Dickson. Maka, penggubalan modul telah dilaksanakan sepanjang tahun 2012 hingga 2013 oleh jawatankuasa penggubal yang dilantik (Penguasa PPA, 1 November 2017, 2:30).

Isi kandungan modul ini melibatkan empat peringkat iaitu saringan, rawatan, pemulihan dan pengukuhan serta khidmat sokongan. Draf modul telah dibentangkan kepada ahli MAIS dan Y.A.D Mufti Diraja Negeri Selangor pada 28 Mac 2013 dan diuji cuba ke atas pesalah akidah Abdul Kahar bin Ahmad di Penjara Kajang selama enam bulan. Hasilnya, Jawatankuasa Program Pemulihan Akidah bersetuju bahawa pesalah menunjukkan respons yang positif terhadap modul ini. Selanjutnya, pemurnian modul telah dilakukan pada tahun 2014 dan 2015 sebelum diluluskan pada 27 Ogos 2015 dalam Mesyuarat Jawatankuasa Riqab MAIS (Modul Istitabah MAIS 2017).

Modul ini akan digunakan terhadap pelatih yang terlibat dengan kesalahan akidah selain daripada kes murtad berdasarkan perintah mahkamah sama ada mereka ditempatkan di penjara atau Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman (Baitul Iman). Manakala bagi pelatih yang berkait dengan Seksyen 61(3)(x) Pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor Tahun 2003 akan dipulihkan berdasarkan perintah mahkamah selepas selesai melalui proses penasihat akidah kendalian Jawatankuasa Penasihat Akidah Jabatan Mufti (Modul Istitabah MAIS 2017). Maka, proses pemulihan bermodul ini hanya akan dimulakan selepas mendapat perintah mahkamah untuk pesalah atau pemohon ditempatkan di Baitul Iman atau penjara.

4.0 Kaedah Pengendalian Modul Istitabah MAIS

Proses pemulihan bermula dengan sesi saringan, diikuti dengan rawatan dan pemulihan, pemantapan dan pengukuhan dan khidmat sokongan. Tempoh pelatih menjalani proses istitabah adalah selama tiga ke enam bulan bergantung kepada perintah mahkamah (Penguasa PPA, 30 Oktober 2017, 10:07) Sepanjang tempoh ini, perkembangan pelatih perlu dilaporkan setiap bulan kepada Jawatankuasa Penilai (Penguasa PPA, 1 November, 14:56).

a. Fasa Saringan

Pelatih yang baru memulakan sesi istitabah akan disaring terlebih dahulu secara klinikal dan rawatan Islam (Penguasa PPA, 1 November, 12:48). Bagi saringan klinikal, pelatih akan dibawa ke hospital untuk menjalani pemeriksaan doktor bagi mendapatkan laporan kesihatan pelatih (Penguasa PPA, 1 November, 15: 27-34). Jika terdapat masalah kesihatan fizikal, maka mereka akan menjalani rawatan sepanjang berada di pusat pemulihan sehingga sembuh. Namun bagi pelatih yang mengalami gangguan mental, maka proses pemulihan tidak diteruskan sehingga mereka sembuh daripada penyakitnya. Manakala pelatih yang mempunyai masalah psikologi, kaunselor syarie akan membantu pelatih untuk pulih seperti sediakala (Modul Istitabah MAIS 2017)

Setelah tahap kesihatan pelatih dipastikan sebagai bebas daripada sebarang masalah, mereka akan melalui saringan kerohanian (Penguasa PPA, 1 November 2017, 15:16-19) dengan menggunakan pendekatan pukulan ranting kayu nona (Penguasa PPA, 1 November 2017, 32:10-14). Kaedah ini diberi nama Metod Mengesan Syaitan dan Jin (MMSJ). Ini bertujuan untuk memastikan pelatih bebas daripada gangguan sihir atau jin. Bagi pelatih yang mengalami gangguan, maka mereka akan dirawat terlebih dahulu (Modul Istitabah MAIS 2017).

Satu lagi saringan ialah saringan sistem kepercayaan (*belief system*) di mana tahap keparahan akidah pelatih akan ditentukan menggunakan alat pengukuran A-test dan AP-Log. Selain daripada fasa saringan, ujian ini akan digunakan juga pada fasa pemulihan dan pengukuhan sebelum pelatih dibebaskan. Pada akhir sesi saringan ini, Jawatankuasa Penilai akan membuat keputusan berkenaan kaedah terbaik dalam memulihkan akidah pelatih (Modul Istitabah MAIS 2017).

b. Fasa Rawatan dan Pemulihan

Terdapat tiga bentuk rawatan yang dijalankan iaitu rawatan fizikal, rawatan spiritual Islam dan kaunseling Syarie. Rawatan fizikal adalah melibatkan masalah kesihatan mental, fizikal, dan psikologi. Bagi rawatan fizikal dan mental, pelatih akan dirujuk kepada pegawai perubatan awam. Manakala bagi rawatan psikologi, pendekatan kaunseling Syarie akan digunakan (Penguasa PPA, 1 November 2017, 45:40). Pegawai perubatan yang merawat pelatih perlu menyediakan laporan kesihatan pada setiap hujung fasa ini (Modul Istitabah MAIS 2017).

Bagi rawatan spiritual Islam pula pendekatan *Ilaj Syar'i* digunakan oleh perawat rohani ke atas pelatih. Kaedah kerohanian melibatkan zikir, tilawah al-Quran dan solat sunat menjadi asas rawatan bentuk ini (Modul Istitabah MAIS 2017). Bagi tujuan ini juga, beberapa guru akan hadir ke pusat bagi mengajar pelatih berkenaan asas-asas agama (Penguasa PPA, 1 November 2017, 23:14). Proses kaunseling dikendalikan oleh Kaunselor Syarie yang bertauliah pada setiap minggu. Ini bertujuan perkembangan psikologi pelatih dapat dipantau secara berterusan bagi mengelakkan gangguan emosi sepanjang proses pemulihan (Modul Istitabah MAIS 2017). Ketiga-tiga bentuk rawatan ini berterusan sehingga kepada fasa pasca pemulihan iaitu dalam program khidmat sokongan.

Selain daripada modul rawatan, terdapat juga modul pemulihan yang terdiri daripada tiga komponen utama iaitu Modul Pemulihan Umum, Modul Pemulihan Khusus dan Modul Penyesuaian dan Penyelesaian Masalah. Setelah selesai kesemua komponen modul ini, pelatih sekali lagi akan melalui proses penilaian A-test dan AP-log serta MMSJ bagi menentukan kelayakan mereka untuk dipindahkan ke fasa pengukuhan dan pemantapan. Keputusan ini juga akan ditentukan oleh Jawatankuasa Penilai berdasarkan laporan daripada Penguasa Pusat Pemulihan (Modul Istitabah MAIS 2017).

Sepanjang fasa ini, pelatih ditempatkan dalam satu tempat yang khusus seperti sistem asrama. Namun, bagi kes-kes yang berat mereka akan dikuarantinkan daripada pelatih lain di dalam satu bilik yang dilengkapi dengan tandas dan tempat tidur. Pelatih yang dikuarantin ini hanya boleh berinteraksi dengan pelatih yang bertugas menghantar makanan dan guru yang mengajar (Penguasa PPA, 1 November 2017, 22:29-32). Tujuannya agar pelatih ini tidak mempengaruhi pelatih-pelatih lain yang kebanyakannya terdiri daripada pelatih sosial.

Untuk itu, modul ini sesuai dilaksanakan di Baitul Iman MAIS kerana persekitaran Islami juga berperanan dalam membantu proses pemulihan. Namun, jika ia perlu dilaksanakan di penjara awam maka pihak penjara hendaklah melaksanakan Modul Pesalah Syariah Jabatan Koreksional Malaysia bersama dengan modul ini (Modul Istitabah MAIS 2017).

c. Fasa Pengukuhan dan Pemantapan (*Pra bebas*)

Dalam sesi ini, modul yang dibincangkan melibatkan tasawwur Islam, percintaan dalam Islam dan akidah akhir zaman. Di samping itu, pelatih tetap menjalani rawatan kerohanian dan kaunseling Syarie. Sekali lagi, pelatih akan dinilai berdasarkan ujian A-test, AP-log dan MMSJ bagi menentukan sama ada mereka layak untuk dibebaskan ataupun tidak. Jika layak, mereka akan masuk ke sesi khidmat sokongan dan jika sebaliknya, mereka akan kembali semula ke proses rawatan dan pemulihan (Modul Istitabah MAIS 2017). Pelatih yang dianggap sebagai layak untuk dibebaskan adalah mereka yang membuat pengakuan taubat melalui ucapan kalimah syahadah di hadapan saksi tertentu (Penguasa PPA, 1 November 2017, 52:52-55) dan jika perlu, mereka dengan rela hati akan membacakan teks taubat yang disediakan oleh pihak yang terlibat (Penguasa PPA, 1 November 2017, 53:23-26).

d. Fasa Khidmat Sokongan (*Pasca bebas*)

Pelatih yang dibebaskan akan dibantu dengan modul sokongan selama tiga hingga enam bulan. Ia meliputi sokongan kerohanian, sosial, psikologi, perkhidmatan, ekonomi dan kemasyarakatan. Ini bertujuan membantu pelatih meneruskan kehidupan seharian secara normal (Modul Istitabah MAIS 2017). Bagi melicinkan gerak kerja fasa ini, pusat pemulihan akan bekerjasama dengan Bahagian al-Riqab MAIS (Penguasa PPA, 1 November 2017, 47:20-26). Bahagian ini bertindak memberi bantuan dalam pelbagai bentuk termasuk membina hubungan dengan keluarga pelatih (Penguasa PPA, 1 November 2017, 49:15-18), memberikan bantuan kewangan jika perlu di samping menyediakan kelas-kelas pengukuhan agama (Penguasa PPA, 1 November 2017, 49:21-26).

5.0 Kekangan dalam Pengendalian Istitabah

Sepanjang mengendalikan modul istitabah di pusat pemulihan, terdapat beberapa kekangan yang dikenal pasti. Antaranya ialah kekurangan maklumat khusus berkaitan latar belakang pelatih termasuk latar keluarga, pendidikan mahupun tahap kerosakan akidah yang dialami pelatih (Penguasa PPA, 1 November 2017, 11:00). Keadaan ini mengakibatkan fasa saringan mengambil masa lebih daripada satu bulan seperti yang digariskan dalam modul (Penguasa PPA, 1 November 2017, 13:43). Selain itu, Pusat Pemulihan juga tidak mempunyai doktor khusus menjadikan pelatih perlu dibawa keluar ke hospital berdekatan untuk mengesahkan tahap kesihatan sebelum rawatan dan pemulihan dijalankan (Penguasa PPA, 1 November 2017, 15:41). Kekangan ini antara faktor tempoh istitabah yang dicadangkan selama enam bulan bakal dipinda kepada satu tempoh masa yang lebih panjang (Penguasa PPA, 1 November 2017, 16:24).

Termasuk dalam kekangan bagi pihak pengendali modul istitabah ini juga adalah keengganan pelatih untuk berubah dan membetulkan akidah meskipun mereka melalui kesemua sesi istitabah (Penguasa PPA, 1 November 2017, 19:45). Namun, pengendali modul tetap menjalankan istitabah kerana ia adalah sebahagian daripada usaha sedangkan hidayah adalah milik Allah SWT. Sebagai mukmin, keimanan kepada kurniaan hidayah daripada

Allah SWT adalah perkara pokok yang perlu ditanamkan dalam diri. Firman Allah SWT dalam surah al-Qasas, ayat 56:

إِنَّكَ لَا تَهْدِي مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Maksudnya:

Sesungguhnya engkau (*Wahai Muhammad*) tidak berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang engkau kasihi (supaya ia menerima Islam), tetapi Allah jualah yang berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya); dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang (ada persediaan untuk) mendapat hidayah petunjuk (kepada memeluk Islam).

Ayat ini merupakan pujukan kepada Rasulullah SAW yang sedih di atas keengganan bapa saudaranya, Abu Talib untuk memeluk Islam. Allah SWT menegaskan bahawa hidayah adalah milik-Nya dan hanya Dia mengetahui mereka yang benar-benar bersedia untuk menerimanya (al-Baidawi 1998). Sedangkan usaha baginda adalah sekadar sebagai penyampai dakwah. Maka, selebihnya diserahkan kepada Allah SWT yang Maha Bijaksana (Ibn Kathir 1999).

6.0 Kesimpulan

Kesalahan akidah merupakan perkara yang serius dan tidak boleh dipandang remeh. Penularan ajaran dan pemikiran salah merupakan ancaman kepada masyarakat Islam dari masa ke masa. Tambahan pula, mutakhir ini kebanyakannya ajaran salah disebarluaskan melalui media sosial dengan mensasarkan golongan belia dan mereka yang berhasrat untuk kembali kepada Islam. Golongan ini mudah dipengaruhi kerana kelemahan pegangan agama dan kekurangan sumber yang benar. Di samping itu, keliru dengan kepelbagai maklumat atas talian juga menjadi punca terjebaknya masyarakat dalam ajaran menyeleweng. Maka, golongan yang tersasar ini perlu diberikan penjelasan dan jawapan kepada persoalan serta kekeliruan mereka. Ini merupakan tujuan utama istitabah dijalankan kepada mereka agar menyediakan diri mereka untuk kembali mengamalkan ajaran Islam sebenar. Justeru, usaha penggubalan Modul Istitabah yang dilakukan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) ini dilihat sebagai langkah awal ke arah pemerkasaan istitabah di Malaysia. Ia wajar dicontohi oleh negeri-negeri lain dengan beberapa penambahbaikan berdasarkan kekangan yang dialami oleh para pengendali serta disesuaikan dengan keadaan semasa negeri terlibat.

Penghargaan

Kajian ini dijalankan menggunakan dana daripada Geran Penyelidikan dan Inovasi Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (GPIK 2016) Fasa 2 (GPM Usahasama) dengan Kolej Islam Sultan Ismail Petra (KIAS) dengan no kod penyelidikan KUIS/PB/2016/GPIK 2/GPM/U02.

Rujukan

- Abdul Qadir Awdah. 1409H/1989. *al-Tashri 'al-jina'i Islami*. Jil. 1. Beirut: Muassat al-Risalah.
- Abu Zahrah, Muhammad. t.th. *al-'Uqubah*. Dar al-Fikr al-Arabi.
- Al-Baidawi, Nasir al-Din Abi al-Khayr 'Abd Allah bin Umar. 1998. *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*. Beirut: Dar al-Turath al-'Arabiyy.
- Al-Shawkani, Muhammad ibn Ali. 1995. *Nail al-authar*. Jil. 7. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.

- Helwa Mohammad Zainal dan Jasri Jamal. 2013. Kedudukan Murtad dan Penyebaran Agama Bukan Islam Menurut Perspektif Undang-undang di Malaysia: Satu Analisa Isu dan Cabaran. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat* 17: 13-36.
- Ibn Kathir, Ismail bin Umar. 1999. *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Riyad: Dar al-Tayyibah.
- Ibn Qudamah, Abu Muhammed Muffaq al-Din Abd Allah ibn Qudimah. 1410H/1990. *al-Mughni*. Jil. 12. Kaherah: Hajar lilthiba'ah.
- Nor Ashikin Md. Nasir dan Siti Zubaidah Ismail. 2016. Keluar Agama Islam di Malaysia: Permasalahan dari Sudut Undang-undang. *Jurnal Penyelidikan Undang-undang Syariah*. Vol 1(1): 141-154.
- Nor Ashikin Md. Nasir dan Siti Zubaidah Ismail. 2017. Amalan Mahkamah Syariah Mengisytiharkan Status Agama dalam Kes Permohonan Keluar Islam: Kajian Kes di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan. *Kanun*, Januari 2017: 1-36.
- Majlis Agama Islam Selangor. 2017. *Modul Istitabah*. Selangor: MAIS.
- Mohd Sopiee Shiddeq. 2015. Jenayah Murtad di Malaysia: Permasalahan dari Perspektif Undang-undang Syariah. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat* 19: 9-16.
- Penguasa Pusat Pemulihan Akidah (PPA). Temubual. 1 November 2017.
- Pg Ismail Pg Musa dan Siti Zubaidah Ismail. 2015. Permohonan Keluar Islam: Kajian Kes di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sabah. *Jurnal Syariah*, Jil 23, Bil 1: 53-78.
- Siti Maizatul Akma Saiman dan Zaini Nasohah. t.th. Tinjauan Literatur Kewajaran Proses Istitabah di Mahkamah Syariah. t.tp: t.pt:158-167.
- Siti Zubaidah Ismail. 2010. Menangani Ajaran Sesat di Kalangan Umat Islam: Perspektif Undang-Undang dan Pentadbiran. *Jurnal Syariah*, Jil. 18, Bil. 2: 247-276.
- Wahbah al-Zuhayli. 1409H/1989. *al-Fiqh al-Islamiyy wa Adillatuh*. Ed. 3. Jil. 3. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Wan Mohd Fazrul Azdi, Mohd Rumaizuddin Musa, Azman Abd Rahman, Mohd Zaliridzal Zakaria dan Mohammad Fadzil Mat Yacob. 2013. Model Istitabah: Cadangan Konsep dan Pelaksanaannya dalam Intervensi Permasalahan Riddah Kontemporari di Malaysia. *Jurnal al-Abqari*, Vol. 3, Universiti Sains Islam Malaysia: 57-71.
- Wan Mohd Fazrul Azdi, Kamaluddin Nurdin Marjuni, Mohd Rumaizuddin Musa, Azman Abd Rahman, Mohd Zaliridzal Zakaria dan Mohammad Fadzil Mat Yacob. 2015. Istitabah Model for Malaysia: A Preliminary Exposition. *'Ulum Islamiyyah Journal*, Vol. 15, Jun 2015, Universiti Sains Islam Malaysia: 111-124.